



**IBU PEJABAT
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
MALAYSIA**



SURAT PEKELILING JPS BIL. 2/2015

**PEMAKAIAN SENARAI SEMAK PENGURUSAN
AIR LARIAN HUJAN UNTUK PERMOHONAN PEMAJUAN TANAH DI
MALAYSIA**

TUJUAN

1. ... Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pemakaian Senarai Semak Pengurusan Air larian Hujan Untuk Permohonan Tanah Di Malaysia untuk permohonan pemajuan tanah dalam semua projek- projek yang melibatkan infrastruktur saliran dan kerja tanah di Malaysia

LATAR BELAKANG

2. Pada tahun 2000 JPS telah melancarkan MSMA yang merupakan satu garis panduan untuk membuat perancangan infrastruktur saliran mesra alam melalui konsep kawalan kuantiti dan kualiti pada peringkat punca. Pada 1 Januari 2001 Jemaah Menteri telah bersetuju pemakaian MSMA sebagai syarat kelulusan pelan pembangunan melibatkan infrastruktur saliran disemua agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Swasta. Pelan saliran dan kerja tanah berdasarkan MSMA menjadi syarat utama dalam kelulusan pemajuan tanah oleh OSC.

Pada 1 Ogos 2012 melalui Surat Pekeliling JPS Malaysia Bil. 2 Tahun 2012, (JPS) telah melancarkan MSMA Edisi Kedua. Prinsip asas MSMA adalah kawalan pada punca (control-at-source) yang mengawal lima elemen utama merangkumi kuantiti, kualiti, hakisan dan enapan, operasi dan penyenggaraan serta nilai estetika

3. Pemakaian Senarai Semak Pengurusan Air Larian Hujan Untuk Permohonan Pemajuan Tanah Di Malaysia adalah berdasarkan MSMA Edisi Kedua bagi menggantikan senarai semak yang sediada yang berdasarkan MSMA Edisi Pertama. Senarai semak yang permohonan yang baru ini lebih mudah dan praktikal bagi pemaju, perunding dalam menyediakan maklumat dan keperluan untuk semakan permohonan pemajuan tanah oleh Jabatan.

4. Senarai Semak Pengurusan Air Larian Hujan Untuk Permohonan Pemajuan Tanah Di Malaysia ini mengandungi Empat (4) bahagian iaitu:

Annex A: Senarai Semak Kebenaran Merancang

Annex B: Senarai Semak Permohonan Pelan Saliran

Annex C: Senarai Semak Pelan Kerja Tanah dan Pelan Kawalan dan Hakisan Kelodak

Annex D : Senarai Semak Pematuhan Pelan Kawalan dan Hakisan Kelodak di Tapak

TARIKH KUATKUASA

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2015. Semua pengemukaan pelan pembangunan yang melibatkan infrastruktur saliran dan kerja tanah selepas tarikh ini hendaklah berdasarkan Senarai Semak Pengurusan Air Larian Hujan Untuk Permohonan Pemajuan Tanah Di Malaysia dan MSMA Edisi Kedua.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya adalah dipanjangkan kepada semua agensi yang berkaitan merangkumi Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' IR. ZAINOR RAHIM B. IBRAHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

30 Jun 2015

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Negeri

Semua Jurutera Projek